

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
PERSATUAN PENGILANG & INDUSTRI
PERKHIDMATAN BUMIPUTERA
MALAYSIA (PPIPBM)
(PPM-007-14-27061987)**

**PERLEMBAGAAN BAGI
PERTUBUHAN INDUK
PERSATUAN PENGILANG & INDUSTRI PERKHIDMATAN BUMIPUTERA
MALAYSIA (PPIPBM)
(PPM-007-14-27061987)**

FASAL 1 NAMA

(1) Pertubuhan ini dikenali dengan nama

**PERSATUAN PENGILANG & INDUSTRI PERKHIDMATAN
BUMIPUTERA MALAYSIA (PPIPBM)**

Selepas ini disebut "**Pertubuhan**".

(2) Takrif Nama :

(3) Taraf Pertubuhan : **Lain-lain**

FASAL 2 TEMPAT URUSAN

1. Alamat berdaftar dan tempat urusan pertubuhan ialah
**SUITE 9-5 & 9-6, ARAS 9, MENARA MATRADE WEST WING,
JALAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
50480 KUALA LUMPUR**

dan alamat untuk surat-menyurat adalah

**SUITE 9-5 & 9-6, ARAS 9, MENARA MATRADE WEST WING,
JALAN SULTAN HAJI AHMAD SHAH,
50480 KUALA LUMPUR**

atau di tempat lain atau tempat-tempat yang akan ditetapkan
dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa;

2. Tempat urusan berdaftar dan alamat surat menyurat
Pertubuhan tidak boleh diubah tanpa kebenaran Pendaftar
Pertubuhan terlebih dahulu.

FASAL 3 TUJUAN/MATLAMAT

Objektif penubuhan PPIPBM ini adalah seperti berikut:-

3.1 Menubuhkan dan mewujudkan Persatuan Pengilang & Industri
Perkhidmatan Bumiputera Malaysia di peringkat kebangsaan,
negeri dan daerah untuk kepentingan atau faedah pengilang-

pengilang dan usahawan industri perkhidmatan dalam menjayakan aktiviti perniagaan mereka dengan cemerlang.

- 3.2 Menyatukan pengilang-pengilang dan usahawan industri perkhidmatan Bumiputera supaya tindakan dan usaha-usaha mereka dapat dipertingkatkan.
- 3.3 Mencari peluang dan menggalakkan penyertaan kaum Bumiputera dalam aktiviti pengilangan dan industri perkhidmatan.
- 3.4 Menggalakkan, memajukan dan memelihara kepentingan dan hak pengilang-pengilang dan usahawan industri perkhidmatan Bumiputera dan memberi bantuan yang sesuai bagi kemajuan dan kebajikan pengilang-pengilang dan usahawan industri perkhidmatan Bumiputera.
- 3.5 Menyediakan dan memberi kemudahan bagi hubungan komunikasi dan pertukaran pendapat antara pengilang & usahawan industri perkhidmatan Bumiputera dengan kerajaan pusat, kerajaan-kerajaan negeri, kerajaan-kerajaan tempatan, kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan, badan-badan awam, pihak swasta, institusi-institusi dan persatuan-persatuan yang berkenaan di dalam dan di luar negeri.
- 3.6 Memperjuangkan kepentingan ahli-ahli dari segi undang-undang atau langkah-langkah yang berkaitan dengan aktiviti pengilangan dan industri perkhidmatan.
- 3.7 Menyelaraskan aktiviti-aktiviti kesemua ahli-ahli dan dengan persetujuan bertulis daripada kedua pihak yang berkenaan menyelesaikan selisih faham yang timbul di antara ahli-ahli.
- 3.8 Menerbitkan majalah-majalah atau risalah-risalah yang berkaitan dengan aktiviti pengilangan dan industri perkhidmatan, setelah mendapat kebenaran daripada pihak berkuasa yang berkenaan terlebih dahulu.
- 3.9 Membantu atau mewakili ahli-ahli di dalam perbincangan berkenaan aktiviti pengilangan dan industri perkhidmatan samada di dalam atau di luar negeri.
- 3.10 Menubuhkan atau membantu pertubuhan-pertubuhan, perbadanan-perbadanan, persatuan-persatuan, tabung-tabung biasiswa amanah atau tabung-tabung lain untuk kebajikan.
- 3.11 Mengadakan komunikasi dan bekerjasama dengan badan-badan atau persatuan-persatuan yang lain yang boleh membantu dalam mencapai tujuan dan matlamat PPIPBM ini.

- 3.12 Memperolehi segala harta benda secara beli, pajak dan apa cara juga yang dibenarkan oleh undang-undang dan menjual, memperbaiki, mengurus, memaju, memajak, menyewa atau melakukan sesuatu secara apa pun selagi dibenarkan oleh undang-undang, segala harta benda PPIPBM termasuk yang sedia ada atau yang akan diperolehi dari masa ke semasa.
- 3.13 Membina di atas tanah kepunyaan PPIPBM bangunan atau bangunan-bangunan untuk kegunaan PPIPBM.
- 3.14 Meminjam wang untuk kegunaan atau kepentingan PPIPBM atas syarat-syarat yang dipersetujui oleh Mesyuarat Jawatankuasa Agung.
- 3.15 Menubuhkan suatu yayasan pengurusan untuk mengadakan kemudahan pelajaran dan latihan pengurusan bagi Bumiputera dalam aktiviti pengilangan dan industri perkhidmatan.
- 3.16 Melaksanakan sebarang program/aktiviti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Agung atau Jawatankuasa Eksekutif yang bersesuaian dengan matlamat penubuhan PPIPBM.

FASAL 4 KEAHLIAN

- 4.1 Ahli-ahli PPIPBM terdiri dari Ahli Biasa, Ahli Profesional, Ahli Koperasi, Ahli Bersekutu, Ahli Bergabung, Ahli Kehormat.
- 4.2 Ahli Biasa ialah:
 - 4.2.1 Firma-firma dan syarikat-syarikat Bumiputera yang menjalankan aktiviti pengilangan dan industri perkhidmatan sebagai tuanpunya tunggal, atau tuanpunya perkongsian yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia dibawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Registration of Business Act 1956) di Semenanjung Tanah Melayu atau mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa di Sabah dan Sarawak dengan syarat bahawa kesemua ahli-ahli kongsi terdiri dari Bumiputera. Seorang wakil akan dihantar untuk menghadiri mesyuarat agung dan berhak mengundi.
 - 4.2.2 Syarikat-syarikat pengilangan dan industri perkhidmatan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia yang mana ekuiti sepenuhnya dimiliki oleh Bumiputera. Seorang wakil akan dihantar untuk menghadiri mesyuarat agung dan berhak mengundi.
 - 4.2.3 Ahli Pengasas iaitu ahli-ahli yang mengasaskan PPIPBM ini seperti yang dilampirkan dalam Jadual 02 dan berhak mengundi.

- 4.2.4 Bumiputera yang menjalankan perniagaan pengilangan dan industri perkhidmatan di Malaysia yang dilesenkan oleh Kerajaan Persekutuan, Negeri atau Tempatan di Malaysia atau mana-mana pihak yang berkuasa di Malaysia.
- 4.3 Ahli Profesional ialah:
 - 4.3.1 Mereka berdaftar dengan badan-badan profesional.
 - 4.3.2 Pengarah Bumiputera dan/atau Bumiputera yang menjadi Ketua Eksekutif atau jawatan yang bersamaan dengannya bagi mana-mana syarikat yang diperbadankan di dalam dan di luar Malaysia.
- 4.4 Ahli Koperasi ialah:
 - 4.4.1 Koperasi yang didaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia yang fokus aktiviti perniagaannya dalam industri pengilangan dan industri perkhidmatan yang dimiliki seratus peratus (100%) oleh Bumiputera.
- 4.5 Ahli Bersekutu ialah:
 - 4.5.1 Firma-firma dan syarikat-syarikat Bumiputera yang bukan menjalankan aktiviti pengilangan dan industri perkhidmatan.
 - 4.5.2 Firma-firma dan syarikat-syarikat yang mempunyai ekuiti Bumiputera tidak kurang daripada lima puluh satu peratus (51%).
 - 4.5.3 Syarikat-syarikat dan perbadanan-perbadanan yang ditubuhkan di bawah mana-mana Akta Parlimen atau Enakmen Dewan Negeri dan Anak-anak Syarikat kepada perbadanan-perbadanan tersebut.
 - 4.5.4 Ahli-ahli akademik, pakar dalam bidang 'penyelidikan dan pembangunan' dan lain-lain Bumiputera perseorangan yang mempunyai minat selaras dengan objektif PPIPBM.
 - 4.5.5 Permohonan menjadi Ahli Bersekutu diterima kerana ia suka hendak bekerjasama dengan PPIPBM ini dengan tidak berhak mengundi atau memegang jawatan di dalam Jawatankuasa Agung tetapi boleh dilantik untuk menduduki mana-mana Jawatankuasa Kecil PPIPBM dan boleh hadir di Mesyuarat Agung dan boleh mengeluarkan fikiran-fikiran, syor-syor atau cadangan-cadangan di dalam mesyuarat ini.

- 4.6 Ahli Bergabung ialah:
Mana-mana persatuan, badan atau pertubuhan perniagaan/ekonomi yang ahlinya seratus peratus (100%) Bumiputera, di peringkat kebangsaan atau peringkat negeri.
- 4.7 Ahli Kehormat ialah:
Mana-mana orang perseorangan yang difikirkan dan dianggap munasabah dan layak menjadi Ahli Kehormat PPIPBM oleh Jawatankuasa Agung.
- 4.8 Permohonan menjadi ahli (Fasal 4.2, 4.3, 4.4, 4.5 dan 4.6) hendaklah dibuat dengan mengisi borang permohonan menjadi ahli yang disediakan oleh Persatuan. Penerimaan sesuatu permohonan itu sebagai ahli akan tertakluk kepada keputusan Jawatankuasa Agung.
- 4.9 Ahli Biasa melalui wakil yang dilantik hanya berhak mengundi atau menjadi calon bagi sesuatu pelantikan sekiranya ianya telah menjadi Ahli Biasa Persatuan pada atau sebelum 31hb. Disember dalam tahun sebelum diadakan Mesyuarat Agung Tahunan itu dengan syarat ahli itu hendaklah juga telah menjelaskan segala yuran tahunan yang tertunggak pada atau sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan berkenaan.

FASAL 5 PERBERHENTIAN DAN PEMECATAN AHLI

- 5.1 Tiap-tiap ahli yang ingin berhenti daripada menjadi ahli mestilah memberi notis tiga (30) hari secara bertulis kepada Setiausaha Agung.
- 5.2 Tiap-tiap ahli yang memohon berhenti atau keahliannya diberhentikan tidaklah berhak mendapat apa-apa kepentingan di dalam tabung ataupun harta-harta PPIPBM.
- 5.3 Seseorang ahli itu akan gugur keahliannya sekiranya:-
- 5.3.1 Ia menjadi bankrap.
- 5.3.2 Sebuah firma perkongsian yang didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan-Perniagaan 1956 (Registration of Business Act 1956), satu perintah penerimaan (receivers order) dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa terhadap ahli perniagaan atau perkongsian tersebut.
- 5.3.3 Sebuah syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 (Companies Act 1965); satu resolusi telah diluluskan ataupun suatu perintah telah dikeluarkan oleh Mahkamah yang berkuasa bagi penggulungan syarikat tersebut.

- 5.3.4 Tidak membayar yuran keahlian selama tiga (3) tahun berturut-turut.
- 5.3.5 Mereka yang didapati mencemar atau menfitnah nama baik PPIPBM.
- 5.4 Keputusan Jawatankuasa Agung PPIPBM samada seseorang ahli itu termasuk di dalam Fasal 5.3.1 hingga 5.3.5 adalah muktamad dan mengikat ahli berkenaan.
- 5.5 Mana-mana ahli yang telah gugur keahliannya adalah dilarang sama sekali untuk menggunakan nama, lambang, premis, alamat, nombor telefon atau no faks premis PPIPBM. Bekas ahli juga dilarang untuk membuat apa jua kaitan secara langsung atau tidak langsung kepada PPIPBM.
- 5.6 Satu Jawatankuasa Ad Hoc yang dipengerusikan oleh Presiden boleh ditubuhkan sekiranya terdapat mana-mana bekas ahli yang melanggar peruntukan Fasal 5.5 untuk memutuskan tindakan yang perlu diambil terhadap pelanggaran di atas.
- 5.7 Ahli yang telah memohon berhenti atas apa jua sebab hanya dibenarkan sebelum memohon menjadi ahli semula selepas tiga (3) bulan dan menyelesaikan yuran tertunggak sekiranya ada.

FASAL 6 SUMBER KEWANGAN

- 6.1 Jawatankuasa Agung berkuasa membuat sebarang peraturan berkenaan dengan kutipan dan penyerahan yuran-yuran keahlian.
- 6.2 Yuran yang dikenakan adalah seperti berikut:-
- 6.2.1 Yuran Masuk/Daftar : RM150.00
- 6.2.2 Yuran Tahunan :
- i. Ahli Biasa : RM100.00
 - ii. Ahli Profesional : RM100.00
 - iii. Ahli Koperasi : RM300.00
 - iv. Ahli Bersekutu : RM300.00
 - v. Ahli Bergabung : RM300.00

FASAL 7 MESYUARAT AGUNG

- 7.1 Mesyuarat Agung Tahunan mestilah dijalankan pada ataupun sebelum 30hb. Jun tiap-tiap tahun. Notis mesyuarat hendaklah diedarkan kepada semua ahli sekurang-kurangnya dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu. Agenda dan Laporan Tahunan termasuk salinan Penyata Kira-Kira bagi tahun lalu yang telah diaudit akan diedarkan oleh Setiausaha Agung kepada semua ahli sekurang-kurangnya tujuh (7) hari terlebih dahulu daripada

tarikh mesyuarat melalui pos atau email di alamat terakhir yang didaftarkan.

- 7.2 Jawatankuasa Agung atau Presiden boleh apakala mereka fikirkan perlu atau di atas permintaan bertulis dari tidak kurang daripada satu pertiga ($1/3$) ahli yang berhak mengundi dengan menerangkan sebab-sebabnya memanggil Mesyuarat Agung Tergempar dengan notis mesyuarat kepada semua ahli empat belas (14) hari terlebih dahulu. Mesyuarat Agung Tergempar mestilah dipanggil dalam tempoh tiga puluh (30) hari setelah menerima permintaan bertulis daripada ahli-ahli tersebut.
- 7.3 Agenda Mesyuarat Agung Tahunan mestilah mengandungi:
 - 7.3.1 Ucapan Pengerusi
 - 7.3.2 Membenteng Minit Mesyuarat Agung yang lalu.
 - 7.3.3 Membenteng Laporan Tahunan Program / Aktiviti yang lalu.
 - 7.3.4 Membentengkan Penyata Kira-Kira/Kewangan yang telah diaudit bagi tahun yang lalu.
 - 7.3.5 Memilih Jawatankuasa Agung PPIPBM dan Juruaudit untuk tiga (3) tahun yang akan datang.
 - 7.3.6 Membenteng Usul yang telah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Agung tidak kurang daripada tujuh (7) hari sebelum Mesyuarat Agung Tahunan (sekiranya ada).
 - 7.3.7 Membentengkan Pindaan Perlembagaan (sekiranya ada).
 - 7.3.8 Menguruskan lain-lain perkara yang dibentengkan di dalam mesyuarat itu.
- 7.4 Mesyuarat Agung PPIPBM tidak boleh berjalan melainkan adanya korum. Ahli-ahli yang hadir dalam Mesyuarat Agung PPIPBM mestilah mengandungi tidak kurang daripada satu perdua ($1/2$) dari Ahli-ahli Biasa atau dua (2) kali ganda jumlah Ahli Jawatankuasa Agung (ikut mana yang kurang).
- 7.5 Sekiranya dalam masa tiga puluh (30) minit dari masa yang telah ditetapkan untuk memulakan Mesyuarat Agung korum tidak ada, maka mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada hari dan tempat yang ditetapkan oleh ahli-ahli yang hadir.
- 7.6 Sekiranya korum masih tidak mencukupi dalam masa tiga puluh (30) minit pada tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, maka ahli-ahli yang hadir berkuasalah menjalankan mesyuarat tetapi tidak boleh meminda perlembagaan dan membuat keputusan yang melibatkan semua ahli.
- 7.7 Pengerusi mesyuarat boleh dengan kebenaran mesyuarat menangguhkan mesyuarat itu dari semasa ke semasa dan dari satu tempat ke satu tempat tetapi perkara-perkara yang boleh

dikerjakan di mesyuarat yang ditangguhkan itu adalah perkara-perkara yang tidak habis dikerjakan di mesyuarat di mana penangguhan itu dibuat sahaja.

- 7.8 Di dalam tiap-tiap Mesyuarat Agung kecuali peruntukan-peruntukan berlainan, semua perkara mestilah ditetapkan dengan undi sulit ataupun dengan cara-cara undi lain yang ditetapkan oleh mesyuarat tersebut.
- 7.9 Sekiranya terdapat persamaan undi dalam sesuatu mesyuarat maka Pengerusi mesyuarat berhak memberi undi pemutus selain daripada undinya sebagai seorang pengundi.

FASAL 8 JAWATANKUASA

- 8.1 Jawatankuasa Agung adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran hal ehwal Persatuan di bawah kuasa dan perintah Mesyuarat Agung.
- 8.2 Jawatankuasa Agung adalah terdiri daripada:
 - 8.2.1 Presiden
 - 8.2.2 Timbalan Presiden
 - 8.2.3 Naib Presiden I
 - 8.2.4 Naib Presiden II
 - 8.2.5 Setiausaha Agung yang dilantik oleh Presiden di kalangan ahli
 - 8.2.6 Penolong Setiausaha Agung yang dilantik oleh Presiden di kalangan ahli
 - 8.2.7 Bendahari Kehormat yang dilantik oleh Presiden di kalangan ahli
 - 8.2.8 Lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa Agung Biasa yang dipilih di Mesyuarat Agung
 - 8.2.9 Dua (2) orang Ahli Jawatankuasa Agung Biasa yang dilantik oleh Presiden
- 8.3 Semua ahli dalam Jawatankuasa Agung ini juga dikenali sebagai Pegawai PPIPBM dan tiap-tiap pegawai yang menjalankan tugas pentadbiran di dalam PPIPBM hendaklah warganegara Malaysia.
- 8.4 Presiden, Timbalan Presiden, Naib Presiden I, Naib Presiden II dan lapan (8) Ahli Jawatankuasa Agung Biasa di bawah Fasal 8.2.8 hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Agung untuk memegang jawatan selama tiga (3) tahun. Nama-nama untuk jawatan di atas hendaklah dicadang dan disokong oleh dua (2) orang ahli biasa di dalam Mesyuarat Agung. Pemilihan dijalankan dengan cara mengundi oleh ahli-ahli di dalam Mesyuarat Agung.
- 8.5 Presiden hendaklah terlebih dahulu berunding dengan Jawatankuasa Agung sebelum membuat pelantikan di bawah

Fasal 8.2.5, 8.2.6, 8.2.7 dan 8.2.9. Tempoh pelantikan mereka bersesuaian dengan Fasal 8.4.

- 8.6 Seseorang Ahli Jawatankuasa Agung dianggap mengosongkan jawatannya sekiranya:
- 8.6.1 Didapati gila atau fikirannya tidak siuman atau pun lain-lain sebab yang ia tidak boleh menjalankan tugas-tugas.
 - 8.6.2 Menjadi muflis (bankrap) yang belum dimansuhkan atau dilepaskan.
 - 8.6.3 Berhenti daripada menjadi ahli Persatuan atau ahli di dalam mana-mana badan atau syarikat yang menjadi ahli Persatuan.
 - 8.6.4 Tidak menghadirkan diri dalam Mesyuarat Jawatankuasa Agung tiga (3) kali berturut-turut tanpa memberi alasan yang munasabah.
 - 8.6.5 Meletakkan jawatan secara notis dengan bertulis kepada Presiden Persatuan dan peletakan jawatan itu diterima oleh Jawatankuasa Agung.
 - 8.6.6 Dilucutkan jawatan oleh resolusi Mesyuarat Agung.

FASAL 9 **KEWAJIPAN-KEWAJIPAN PEGAWAI**

- 9.1. Presiden
- 9.1.1 Menjadi Ketua Persatuan yang bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Persatuan.
 - 9.1.2 Melantik Setiausaha Agung, Penolong Setiausaha Agung, Bendahari Kehormat dan dua (2) orang Ahli Jawatankuasa Agung Biasa yang lain seperti diperuntukkan di bawah Fasal 8.2.5, 8.2.6, 8.2.7, 8.2.9 dan seterusnya beliau hendaklah bertanggungjawab di atas kesempurnaan perjalanan tugas-tugas mereka itu masing-masing.
 - 9.1.3 Bertanggungjawab atas semua pegawai-pegawai PPIPBM.
 - 9.1.4 Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Agung dan Mesyuarat Agung Persatuan.
 - 9.1.5 Presiden boleh dari semasa ke semasa atau pada bila-bila masa menjemput mana-mana orang perseorangan sama ada ahli Persatuan atau pun tidak untuk hadir bersama di dalam mana-mana Mesyuarat Jawatankuasa Agung bagi maksud menyumbangkan fikiran dan pendapatnya mengenai sesuatu perkara yang dibincangkan oleh mesyuarat berkenaan dengan syarat orang yang dijemput itu tiada hak mengundi.
 - 9.1.6 Jika sesuatu kekosongan berlaku bagi mana-mana jawatan pegawai Persatuan, Presiden setelah berunding dengan Jawatankuasa Agung hendaklah melantik gantinya daripada Ahli Jawatankuasa Agung atau ahli-ahli biasa untuk memenuhi jawatan yang kosong itu.

- 9.1.7 Sekiranya Jawatankuasa Agung dilantik memenuhi kekosongan tersebut, Jawatankuasa Agung perlu melantik gantinya dari Ahli Biasa untuk memenuhi jawatan yang kosong itu.
 - 9.1.8 Jika jawatan Presiden menjadi kosong oleh apa-apa sebab juapun, maka Jawatankuasa Agung berkuasa memilih seorang daripada mereka untuk memenuhi jawatan Presiden sehingga pemilihan diadakan mengikut Fasal 8. Sebelum Jawatankuasa membuat pemilihan itu, Timbalan Presiden hendaklah memangku jawatan tersebut. Sekiranya Timbalan Presiden menolak pelantikan sebagai Pemangku Presiden, maka Jawatankuasa Agung dibenarkan untuk memilih seorang dari mereka untuk memangku jawatan Presiden sebelum membuat pemilihan Presiden baru.
- 9.2 Timbalan Presiden
- 9.2.1 Membantu tugas-tugas Presiden.
 - 9.2.2 Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Agung dan Mesyuarat Agung apabila Presiden tidak hadir.
- 9.3 Naib Presiden I dan Naib Presiden II
- 9.3.1 Membantu tugas-tugas Presiden dan Timbalan Presiden.
 - 9.3.2 Mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Agung dan Mesyuarat Agung sekiranya Presiden dan Timbalan Presiden tidak hadir.
- 9.4 Setiausaha Agung
- 9.4.1 Bertanggungjawab secara langsung kepada Presiden.
 - 9.4.2 Mentadbir perjalanan Ibu Pejabat Persatuan.
 - 9.4.3 Bertanggungjawab melaporkan kepada Presiden segala tindakan yang dijalankan berhubung dengan pentadbiran Persatuan dan memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif dan Mesyuarat Jawatankuasa Agung dengan persetujuan Presiden.
 - 9.4.4 Bertanggungjawab atas kesempurnaan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif, Mesyuarat Jawatankuasa Agung dan Mesyuarat Agung.
 - 9.4.5 Menyediakan penyata tahunan yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan Persatuan dalam masa setahun ke setahun kepada Jawatankuasa Agung dan membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan.
 - 9.4.6 Menyimpan pangkalan data ahli Persatuan yang lengkap mengandungi nama, no. daftar syarikat, nama wakil dan alamat secara salinan cetak atau digital.
 - 9.4.7 Menjalankan segala kerja perhubungan berkenaan dengan hal ehwal Persatuan.

- 9.5 Penolong Setiausaha Agung
 - 9.5.1 Membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan tugasnya.
- 9.6 Bendahari Kehormat
 - 9.6.1 Bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan kewangan Persatuan dan menyimpan kewangan Persatuan dan menyimpan buku bayaran masuk, buku yuran dan buku kira-kira dengan betul. Menerima semua wang yang dibayar kepada Persatuan dan mengeluarkan resit yang tertentu.
 - 9.6.2 Menyediakan anggaran pendapatan dan perbelanjaan tahunan Persatuan kepada Jawatankuasa Agung.
 - 9.6.3 Bertanggungjawab menyediakan Penyata Kira-Kira Persatuan setahun untuk diperiksa oleh Juruaudit yang dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan.
 - 9.6.4 Membentangkan Penyata Kira-kira Tahunan yang telah disahkan oleh Juruaudit kepada Jawatankuasa Agung dan juga kepada Mesyuarat Agung Tahunan untuk diterima.
- 9.7 Jika dua pertiga (2/3) atau lebih daripada Ahli Jawatankuasa Agung berhenti dengan serentak, Setiausaha Agung atau salah seorang daripada Jawatankuasa Agung hendaklah memanggil Mesyuarat Agung Tergempar untuk memilih Ahli-ahli Jawatankuasa Agung bagi menggantikannya. Sementara itu Ahli-ahli Jawatankuasa Agung yang ada itu hendaklah mengelola dan mentadbirkan Persatuan hingga terbentuk Jawatankuasa Agung yang baru.
- 9.8 Jawatankuasa Agung hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga (3) bulan tetapi boleh juga diadakan pada sebarang lain masa yang dikehendaki oleh Presiden ataupun dengan permintaan bertulis oleh satu pertiga (1/3) daripada Ahli-ahli Jawatankuasa Agung. Notis untuk mesyuarat hendaklah diberitahu oleh Setiausaha Agung tujuh (7) hari terlebih dahulu.
- 9.9 Lapan (8) orang Ahli Jawatankuasa Agung hadir adalah dianggap sebagai cukup korum untuk Mesyuarat Jawatankuasa Agung.
- 9.10 Kuasa-kuasa, tanggungan dan kewajipan Jawatankuasa Agung ialah:
 - 9.10.1 Membentuk dasar-dasar dan rancangan-rancangan Persatuan.
 - 9.10.2 Mengawal, mengelola dan memutuskan sebarang perkara yang berbangkit bersabit dengan ahli-ahli.
 - 9.10.3 Mencari ikhtiar dan menjalankan sebarang usaha bersama-sama dengan lain-lain kumpulan atau

- pertubuhan yang mempunyai tujuan dan objektif yang sama di dalam atau di luar negeri atas perkara-perkara yang berkaitan dengan tujuan-tujuan Persatuan.
- 9.10.4 Menyelesaikan perselisihan yang berbangkit dalam Persatuan atau berkaitan dengan Persatuan.
 - 9.10.5 Membentangkan kepada Mesyuarat Agung Tahunan suatu penyata yang menerangkan pekerjaan dan kemajuan dalam masa setahun yang lepas serta membentangkan kenyataan dari butir-butir kira-kira yang telah diperiksa dan disahkan oleh Juruaudit.
 - 9.10.6 Menghantar kepada ahli-ahli penyata tahunan beserta dengan kenyataan dan butir-butir kira-kira yang telah diaudit bagi setahun yang lepas sekurang-kurangnya tujuh (7) hari terlebih dahulu daripada hari diadakan Mesyuarat Agung Tahunan.
 - 9.10.7 Mengadakan peraturan atau syarat-syarat yang tertentu dalam perkara permintaan dan kelulusan hendak menjadi ahli atau pelantikan wakil-wakil atau penama.
 - 9.10.8 Melantik penasihat/penaung Persatuan jika difikirkan perlu.
 - 9.10.9 Menerima peletakan jawatan mana-mana Ahli Jawatankuasa Agung atau memecat mana-mana Ahli Jawatankuasa Agung. Sebelum Ahli Jawatankuasa Agung tersebut dipecat, beliau hendaklah diberitahu sebab-sebab pemecatannya terlebih dahulu. Ahli tersebut juga hendaklah diberi peluang untuk membela dirinya. Pemecatan tersebut akan diteruskan melainkan Mesyuarat Agung membatalkannya di atas rayuan ahli tersebut.
 - 9.10.10 Menyelaraskan aktiviti-aktiviti kesemua ahli-ahli dan menyelesaikan selisih faham yang timbul di antara ahli-ahli jika diminta.
 - 9.10.11 Menjalankan sebarang pekerjaan atau apa jua langkah selain daripada perkara-perkara yang tersebut di atas bagi kesempurnaan perjalanan Persatuan amnya.
 - 9.10.12 Menggantung, memecat atau melucutkan mana-mana Ahli Biasa, Ahli Bersekutu dan Ahli Kehormat.
 - 9.10.13 Melantik suatu Jawatankuasa Eksekutif yang mana hendaklah terdiri daripada mereka-mereka yang berikut:
 - i. Presiden
 - ii. Timbalan Presiden
 - iii. Naib Presiden I
 - iv. Naib Presiden II
 - v. Setiausaha Agung
 - vi. Bendahari Kehormat
 - vii. Penolong Setiausaha Agung
 - viii. Satu (1) orang Ahli Jawatankuasa Eksekutif Biasa
 - 9.10.14 Menjalankan atau melaksanakan apa-apa kegiatan yang dianggapkan perlu dan patut bagi kepentingan Persatuan.

- 9.11 Tugas-tugas, tanggungan dan kewajipan Jawatankuasa Eksekutif ialah :
- 9.11.1 Pentadbiran Urusetia Persatuan termasuk perlantikan Pengarah Eksekutif dan lain-lain kakitangan Urusetia Persatuan serta hal ehwal kakitangan Urusetia Persatuan.
 - 9.11.2 Merangka dan mengesyorkan perkhidmatan kegiatan dan rancangan bagi kebaikan ahli-ahli Persatuan. Merangka kegiatan dan belanjawan bagi dikemukakan kepada Jawatankuasa Agung untuk kelulusan.
 - 9.11.3 Merancang soal-soal kewangan Persatuan serta cara-cara mendapatkan sumber kewangan Persatuan.
 - 9.11.4 Melantik wakil-wakil Persatuan di dalam mana-mana badan, majlis atau kementerian yang memerlukan perwakilan persatuan.
 - 9.11.5 Notis Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif bersama-sama dengan agenda hendaklah dimajukan lima (5) hari terlebih dahulu daripada tarikh mesyuarat.
 - 9.11.6 Empat (4) orang Ahli Jawatankuasa Eksekutif adalah dianggap sebagai cukup korum untuk Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif.
 - 9.11.7 Jawatankuasa Eksekutif hendaklah sentiasa tertakluk kepada kuasa Jawatankuasa Agung.

FASAL 10 KEWANGAN

- 10.1 Semua wang mestilah disimpan di dalam bank yang dipersetujui oleh Jawatankuasa Agung atas nama Persatuan. Bendahari Kehormat boleh dari masa ke semasa memegang wang sebanyak RM2,000.00 untuk 'petty cash'. Kira-kira bank itu mestilah dikendalikan oleh Bendahari Kehormat dan semua cek mestilah ditandatangani oleh Bendahari Kehormat bersama Presiden Persatuan ataupun Setiausaha Agung. Sekiranya salah seorang daripada pegawai di atas tidak ada, maka salah seorang daripada Ahli Jawatankuasa Agung yang diberi kuasa oleh Jawatankuasa Agung boleh menurunkan tandatangan.
- 10.2 Perbelanjaan yang bernilai lebih daripada RM150,000.00 bagi sesuatu masa tidak boleh dibuat tanpa diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Agung. Perbelanjaan yang kurang daripada RM150,000.00 bagi sesuatu masa bolehlah diluluskan oleh Bendahari Kehormat bersama Presiden dan Setiausaha Agung. Semua perbelanjaan yang diluluskan boleh dilakukan dan dibayar oleh Bendahari Kehormat bersama Presiden dan Setiausaha Agung.
- 10.3 Tahun Kewangan bagi PPIPBM bermula dari 1hb. Januari hingga 31hb Disember tiap-tiap tahun. Bendahari Kehormat mestilah menyediakan penyata kira-kira tahunan dan hendaklah diedarkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Agung untuk

persetujuan sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL 11 JURUAUDIT

- 11.1 Satu (1) orang Juruaudit hendaklah dilantik di dalam Mesyuarat Agung Tahunan tiga (3) tahun sekali. Beliau mestilah memeriksa kira-kira dan penyata kira-kira Persatuan bagi setahun dan membuat pengesahan kepada Mesyuarat Agung.
- 11.2 Presiden boleh memanggil Juruaudit untuk memeriksa kira-kira Persatuan bila-bila masa yang difikirkan perlu.
- 11.3 Mesyuarat Agung boleh melantik Juruaudit yang bertauliah untuk memeriksa kira-kira Persatuan dan Juruaudit tersebut akan berkhidmat sehingga Mesyuarat Agung yang akan datang. Penyata kira-kira yang telah diperiksa hendaklah diedarkan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Agung yang berkenaan sebelum dibentangkan di dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

FASAL 12 PENTADBIR HARTA / PEMEGANG AMANAH

- 12.1 Dua (2) orang Pentadbir Harta yang berumur lebih daripada dua puluh satu (21) tahun dan telah menjadi ahli Persatuan hendaklah dilantik oleh Mesyuarat Agung Persatuan dan mereka akan berkhidmat selama yang dikehendaki oleh Persatuan. Kepada mereka akan diamanahkan semua harta tetap kepunyaan Persatuan mengikut peruntukan Surat Amanah (Trust Deed) yang akan dilaksanakan.
- 12.2 Pentadbir Harta tidak boleh menjual, menggadai, menyerahkan hak, memajak, menarik balik atau menukarkan atau melaku sebarang tindakan berkenaan harta kepunyaan Persatuan dengan tidak ada persetujuan atau kuasa yang diberi oleh Mesyuarat Agung.
- 12.3 Tertakluk kepada hak dan kuasa Mesyuarat Agung untuk melucutkan jawatan seseorang Pentadbir Harta itu tanpa apa-apa sebab juapun, Pentadbir Harta Persatuan akan memegang jawatan mereka hingga berlaku kematian, peletakan jawatan atau pelucutan jawatannya oleh Mesyuarat Agung, oleh sebab uzur, kerana penyakit, tidak siuman, kelakuan yang bertentangan dengan kepentingan Persatuan, tidak berada di dalam negeri atau ianya seorang mufliis atau lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya.
- 12.4 Jika berlaku kematian, peletakan jawatan atau pelucutan jawatan seperti tersebut, Mesyuarat Agung Persatuan akan berkuasa melantik orang lain untuk menggantinya.

FASAL 13 TAFSIRAN PERLEMBAGAAN PERTUBUHAN

Jika berbangkit apa-apa perselisihan atau salah faham berkenaan dengan tafsiran apa-apa rangkaian, ayat atau perkataan yang terkandung di dalam Perlembagaan ini, perselisihan atau salah faham itu mestilah dirujuk kepada Jawatankuasa Agung untuk keputusannya dan keputusan Jawatankuasa Agung di atas tafsiran apa-apa rangkaian ayat atau perkataan yang menjadi perkara perselisihan atau salah faham tersebut adalah muktamad.

FASAL 14 PENASIHAT / PENAUNG

14.1 Penasihat/Penaung bermakna Penasihat/Penaung PPIPBM diundang dan dilantik oleh Jawatankuasa Agung untuk memegang jawatan tersebut atas cadangan Presiden.

14.2 Presiden atas persetujuan Mesyuarat Jawatankuasa Agung, jika difikirkan perlu, melantik orang-orang yang layak menjadi Penasihat/Penaung PPIPBM dengan syarat orang yang dilantik itu menyatakan persetujuan secara bertulis.

FASAL 15 LARANGAN

15.1 Ahli-ahli Persatuan tidak boleh mengambil apa-apa tindakan mahkamah mengenai apa-apa perkara juapun yang berbangkit atau berkaitan dengan pertelingkahannya dengan Persatuan atau mana-mana ahli lain tanpa terlebih dahulu mengemukakan pertelingkahan itu kepada Presiden untuk penyelesaian.

15.2 Mana-mana ahli yang melanggar peruntukan di Fasal 15.1 itu boleh dipecat daripada menjadi ahli.

15.3 Bagi menjalankan tugasnya di bawah Fasal 15.1 dan 15.2 itu, Presiden bolehlah memanggil Mesyuarat Jawatankuasa Agung dan mesyuarat tersebut bolehlah pula melantik suatu Jawatankuasa Penyiasat untuk membantu Jawatankuasa itu.

FASAL 16 PINDAAN PERLEMBAGAAN

16.1 Perlembagaan ini atau sebahagian daripadanya bolehlah dipinda atau dimansuhkan dengan ketetapan yang dipersetujui oleh tidak kurang daripada dua pertiga (2/3) Ahli Biasa yang hadir di dalam Mesyuarat Agung dan hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari dari tarikh keputusan meminda Perlembagaan itu untuk kebenarannya.

16.2 Segala pindaan itu tidak boleh dikuatkuasakan sebelum diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

FASAL 17 **PEMBUBARAN**

- 17.1 Persatuan tidak boleh dibubarkan melainkan dengan resolusi yang diterima daripada tidak kurang dari tiga perlima (3/5) dari semua wakil-wakil Ahli Biasa di Mesyuarat Agung Tahunan atau mesyuarat luar biasa yang khas diadakan untuk tujuan itu.
- 17.2 Sekiranya selepas pembubaran ada lagi harta-harta, maka harta-harta yang ada tidak boleh dibahagi-bahagikan kepada ahli-ahli tetapi mestilah diberikan atau dipindahkan kepada yayasan-yayasan lain yang mempunyai tujuan yang sama atau seperti yang telah ditetapkan oleh ahli-ahli pada ataupun sebelum tarikh pembubaran itu.
- 17.3 Notis tentang pembubaran mestilah dimajukan dalam masa 14 hari dari tarikh pembubaran itu kepada pendaftar pertubuhan.

FASAL 18 **BENDERA, LAMBANG DAN LENCANA**

1. Bendera



Keterangan

1. MAKNA PPIPBM:

PPIPBM memberi maksud atau nama singkatan bagi Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia dan sentiasa menjadi kebanggaan ahli dan pimpinannya.

2. AIR TIGA BARIS:

PPIPBM umpamanya mempunyai banyak sumber seumpama laut berwarna biru untuk memperjuangkan hak, kebajikan dan suasana yang kondusif seterusnya kejayaan didalam perniagaan yang diceburi untuk ahli, pimpinan dan polisi-polisi yang ditetapkan kerajaan.

3. WARNA BIRU:

Warna biru pada lambang PPIPBM yang ditulis bersambungan antara satu sama lain memberi makna bahawa ahli, pimpinan PPIPBM sentiasa sepakat di dalam memperjuangkan hak-hak pengilang dan usahawan industri perkhidmatan demi matlamat yang satu iaitu kejayaan dalam perniagaan pengilangan dan industri perkhidmatan.

2. Lambang



Keterangan

1. MAKNA PPIPBM:

PPIPBM memberi maksud atau nama singkatan bagi Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia dan sentiasa menjadi kebanggaan ahli dan pimpinannya.

2. AIR TIGA BARIS:

PPIPBM umpamanya mempunyai banyak sumber seumpama laut berwarna biru untuk memperjuangkan hak, kebajikan dan suasana yang kondusif seterusnya kejayaan di dalam perniagaan yang diceburi untuk ahli, pimpinan dan polisi-polisi yang ditetapkan kerajaan.

WARNA BIRU:

Warna biru pada lambang PPIPBM yang ditulis bersambungan antara satu sama lain memberi makna bahawa ahli, pimpinan PPIPBM sentiasa sepakat di dalam memperjuangkan hak-hak pengilang dan usahawan industri perkhidmatan demi matlamat yang satu iaitu kejayaan dalam perniagaan pengilangan dan industri perkhidmatan.

3. Lencana



Keterangan

1. MAKNA PPIPBM:

PPIPBM memberi maksud atau nama singkatan bagi Persatuan Pengilang & Industri Perkhidmatan Bumiputera Malaysia dan sentiasa menjadi kebanggaan ahli dan pimpinannya.

2. AIR TIGA BARIS:

PPIPBM umpamanya mempunyai banyak sumber seumpama laut berwarna biru untuk memperjuangkan hak, kebajikan dan suasana yang kondusif seterusnya kejayaan didalam perniagaan yang diceburi untuk ahli, pimpinan dan polisi-polisi yang ditetapkan kerajaan.

3. WARNA BIRU:

Warna biru pada lambang PPIPBM yang ditulis bersambungan antara satu sama lain memberi makna bahawa ahli, pimpinan PPIPBM sentiasa sepakat di dalam memperjuangkan hak-hak pengilang dan usahawan industri perkhidmatan demi matlamat yang satu iaitu kejayaan dalam perniagaan pengilangan dan industri perkhidmatan.

FASAL 19 **DEFINASI**

Di dalam Fasal ini melainkan sekiranya berlainan daripada konteks :

- 19.1 "Ahli" bermakna ahli Persatuan.
- 19.2 "Melayu" bermakna seseorang yang ditakrifkan sebagai orang Melayu di bawah Perlembagaan Malaysia.
- 19.3 "Bumiputera" bermakna seseorang yang ditakrifkan sebagai orang Bumiputera di bawah Perlembagaan Malaysia.
- 19.4 "Firma dan Syarikat Bumiputera" bermakna firma-firma dan syarikat-syarikat yang dimiliki oleh 100% oleh Bumiputera.
- 19.5 "Persatuan" bermakna PERSATUAN PENGILANG & INDUSTRI PERKHIDMATAN BUMIPUTERA MALAYSIA (PIIPBM).
- 19.6 "Pemegang Amanah" bermakna Pemegang Amanah Persatuan.
- 19.7 "Jawatankuasa Agung" bermakna badan Pentadbir Persatuan yang tertinggi yang diundi dan dilantik di bawah Fasal 8 Perlembagaan ini.
- 19.8 "Setiausaha Agung" bermakna Setiausaha Agung Persatuan di lantik di bawah Fasal 8 Perlembagaan ini.
- 19.9 Perkataan yang mengandungi bilangan banyak termasuk juga bilangan satu dan sebaliknya dan perkataan-perkataan mengandungi jenis lelaki termasuk jenis perempuan dan kedua-duanya sekali.
- 19.10 "Penaung" bermakna penaung persatuan diundang oleh Jawatankuasa Agung untuk memegang jawatan tersebut.
- 19.11 "Ahli Pengasas" bermakna ahli-ahli yang mengasaskan Persatuan ini.
- 19.12 "Pengilang" bermakna seseorang yang terlibat dalam sebarang aktiviti pengilangan.
- 19.13 "Aktiviti Pengilangan" bermakna membuat, meminda, mengubahsuai, menghias, menyiapkan atau sebaliknya membentuk atau menyesuaikan sebarang barangan hasil dengan tujuan untuk digunakan, dijual, diangkut, dihantar atau diberikan dan termasuk dalam pemasangan siap atau pembaikan sebarang peralatan.
- 19.14 "Barangan Hasil" bermakna sebarang hasil, benda, alat atau khidmat yang dikeluarkan yang mempunyai dari sebarang aktiviti pengilangan dan termasuk pelbagai jenis barangan yang dihasilkan.
- 19.15 "Jawatankuasa Eksekutif" bermakna badan pengurusan Persatuan yang memastikan dasar-dasar dan rancangan-rancangan Persatuan yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa Agung dilaksanakan.